



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 4 November 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 41/2024

Semua Pelajar Program ASAS/pintar

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)  
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024/2025**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan mulai **16 hingga 20 Disember 2024**.

2. Sehubungan itu, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb mulai 25 November hingga 20 Disember 2024**.

3. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP diwajibkan dibawa bersama-sama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan di dalam kampus di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang bentuk **nota (digital/fizikal)** dan **telefon bimbit** adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan dan etika berpakaian, **denda dan/atau tindakan tatatertib akan diambil**.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah, Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Ketua, Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik